

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 7 OGOS 2018 (SELASA)

SOALAN : 49

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah implikasi kecekapan pengurusan dan kewangan yang dihadapi oleh pihak Kementerian terhadap cadangan bagi menggantikan Suruhanjaya Awam Darat (SPAD) kepada Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengangkutan tidak menghadapi sebarang implikasi kecekapan pengurusan dan kewangan yang memberi kesan kepada operasi harian untuk pelaksanaan penggabungan fungsi SPAD ke kementerian ini. Sebaliknya, pembubaran SPAD dan penubuhan APAD dan diletakkan sebagai satu jabatan di bawah MOT akan memudahkan urusan serta perancangan dasar dan operasi pengangkutan awam kerana kesemua urusan pengangkutan diletakkan di bawah satu Kementerian. Ia akan dapat menjimatkan kos operasi dan juga akan meningkatkan kawalan terhadap perangan pengangkutan awam negara.

Selain daripada itu, kakitangan SPAD sedia ada yang menjalankan kerja-kerja teras akan diserap ke APAD dan JPJ bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan kepada orang awam.